# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## RABU 7 JUN 2023

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br>4.<br>5.<br>6.<br>7. | DUA LAGI PENGERUSI BADAN BERKANUN DI BAWAH KPKM DILANTIK, NASIONAL, SH -8<br>DR ISMAIL DILANTIK PENGERUSI MADA, MUHAMMAD PENGERUSI KADA, ASTRO AWANI -ONLINE<br>MAFS MINISTER APPOINTS TWO AMANAH LEADERS TO LEAD AGRICULTURE DEVELOPMENT BOARDS, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A19<br>2 AMANAH LEADERS APPOINTED AS MADA AND KADA PRESIDENTS, NATION, SIN CHEW DAILY -7<br>TWO AMANAH LEADERS APPOINTED AS CHAIRMAN OF AGRO STATUTORY BODIES, NATION, CHINA PRESS -A4<br>CHOW YU HUI: MAFS SHOULD SET UP DURIAN DEPARTMENT, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A2<br>SISTEM PENGURUSAN SEKTOR PERTANIAN NEGARA BERCELARU?, DALAM NEGERI, UM -29 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 8.<br>9.<br>10. | JELI POLYTECHNIC AIMS TO BE INSTITUTION OF NATIONAL FOOD PRODUCTION, HOME, BORNEO POST (KUCHING) -10<br>PENGUSAHA PATIN SANGKAR TERTEKAN, NASIONAL, BH -17<br>SEKTOR PERIKANAN RUGI LEBIH RM400,000 AKIBAT CUACA PANAS, NEGERI, SH -25 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 11. | FROM PINEAPPLE TO FASHION, VIEWS, THE STAR -14 | LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM) |
| 12.<br>13.<br>14.<br>15.<br>16.<br>17.<br>18. | PEMUDA JUAL MUSANG KING HARGA MARHAEN, DALAM NEGERI, UM -29<br>REZEKI BERGANDA UNTUK KAKI PANCING, NEGERI, SH -25<br>TANDA BUAH, LOKAL, HM -11<br>MUSIM RAJA BUAH, LOKAL, HM -6<br>PENYEGAR MUSIM PANAS, LOKAL, HM -25<br>TAK SAMPAI 30 MINIT DURIAN DAH LICIN, NASIONAL, SH -11<br>DATANG JAUH DARI SARAWAK HANYA NAK MAKAN DURIAN KUNYIT, NASIONAL, SH -11 | LAIN-LAIN |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/6/2023 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 8 |

# Dua lagi pengerusi badan berkanun di bawah KPKM dilantik

**PUTRAJAYA** - Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Seri Mohamad Sabu mengumumkan Datuk Dr Ismail Salleh sebagai Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

Menerusi kenyataan pada Selasa, Mohamad turut mengumumkan pelantikan Muhammad Husain sebagai Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA).

Jelas Mohamad, pelantikan kedua-dua pengerusi itu yang berkuat kuasa 15 Mei lalu telah mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong.

"Pelantikan ini berdasarkan pengalaman luas mereka dalam bidang pentadbiran, dasar dan pembangunan masyarakat," katanya.

Justeru, beliau yakin dengan pengetahuan serta kredibiliti Ismail dan Muhammad dalam menggalas amanah menerajui kedua-kedua badan berkanun Persekutuan di bawah KPKM.

"Tahniah saya ucapkan kepada semua yang dilantik," tambahnya.

Ismail merupakan Pengerusi Amanah Kedah manakala Muhammad adalah Pengerusi Amanah Kelantan.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | MAFS Minister appoints two Amanah leaders to lead agriculture development boards | | |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 07 Jun 2023 | Color | Full Color |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A19 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 139 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,748 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 5,244 |






末沙布（中）颁发委任状予依斯迈沙烈（左二）和胡欣（左四）。

# 农长委2诚信党领袖
# 任农业部旗下机构主席

（吉隆坡6日讯）农业及粮食安全部长拿督斯里莫哈末沙布今日委任两名国家诚信党领袖，担任旗下机构主席。

他今日在文告说，诚信党吉打本加兰坤洛州议员拿督依斯迈沙烈将担任慕达农业发展机构（MADA）主席；诚信党吉兰丹州主席莫哈末胡欣则出任格姆布农业发展局（KADA）主席。

末沙布说，国家元首苏丹阿都拉是于5月15日，批准这两个法定机构主席的委任。

他表明，这项任命是基于两人在行政、政策和社区发展领域的丰富经验。

“我对他们在领导农业部旗下两个联邦法定机构的知识和信用充满信心。”

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Two Amanah leaders appointed as chairmen of agro statutory bodies | | |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 07 Jun 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A4 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 62 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,223 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 3,669 |



# 2誠信黨領袖受委農業部機構主席

（吉隆坡6日讯）农业及食品安全部长拿督斯里莫哈末沙布今日委任两名诚信党领袖，担任旗下机构主席。

他今日在文告说，诚信党吉打本加兰坤洛区州议员拿督依斯迈沙烈将担任慕达农业发展机构（MADA）主席；诚信党吉兰丹州主席莫哈末胡欣则出任阁姆布农业发展局（KADA）主席。

莫哈末沙布说，国家元首苏丹阿都拉是於5月15日，批准这两个法定机构主席的委任。

他表明，这项任命是基於两人在行政、政策和社区发展领域的丰富经验。

“我对他们在领导农粮部旗下两个联邦法定机构的知识和信用充满信心。”

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Chow Yu Hui: MAFS should set up durian department | | |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 07 Jun 2023 | Color | Full Color |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A2 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 364 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 4,579 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 13,736 |




## 邹宇晖：看好中国市场

# 农业部应设榴梿局

**独家报道**
张燕萍

（劳勿6日讯）中国消费市场对大马新鲜猫山王充满期待，巨大需求会助我国壮大榴梿产业链，劳勿国会议员邹宇晖要求农业部重新考虑应时局需求成立榴梿局，以全面协助我国榴梿业发展。

邹宇晖日前连同彭亨国州议员到中国南宁进行政商务考察，他表示，根据中方的反馈，当地对我国的猫山王评价非常高，可是我国外销到中国的榴梿，迄今仍只停留在液氮技术处理后才出口。

"实际上，当地的消费者更希望我们能以鲜果出口到当地。因此，一旦克服技术问题后，我们都希望大马的榴梿能在自然熟脱落的规律下以最快的速度运输至中国市场。"

邹宇晖受《南洋商报》访问时表示，他将跟进农粮部及交通部处理鲜果榴梿出口中国的进展。目前，全马的猫山王果农皆已做好准备，以鲜果榴梿出口去中国，但只欠一纸批文。

他说，根据农业局（DOA）截至今年5月的数据，我国共有44间榴梿冷冻加工厂取得中国海关总署（GACC）的出口准证，除了41间是榴梿加工并生产纯果肉及果泥之外，另20间是获批以全果方式出口的冷冻厂。

### 确保猫山王品质

面对目前我国陷入猫山王榴梿削价战，邹宇晖希望各方相关利益者都能相互体恤，以免破坏马来西亚猫山王在国际市场的招牌。

"虽然自由市场难免会面对削价竞争，但榴梿市场应以稳定价格为基础，并把关好猫山王榴梿的品质，而不是拼价格。

"榴梿农民频频面对打果价时遭某些收购商剥削利益，使到大家都面对不少亏损。希望收购商在打果评（评价）时，更加公平和客观。"

另一方面，在今年3月国会召开期间，邹宇晖曾询问农业部是否有意成立马来西亚榴梿局，以促进现代化榴梿业时，农业及粮食安全部长拿督斯里莫哈末沙布则回答，根据生产量及出口值，农业部相信榴梿产业可在无政府干预下独立运作，因此现阶段还不需要政府设立马来西亚榴梿局，来干预和管制我国榴梿工业的发展。




邹宇晖（左二）日前与一众彭亨州国州议员到南宁展开商务考察，席上与中国（广西）自由贸易试验区工作办公室专职副主任白斌（左）交流。右起为马来西亚旅游总会彭亨分会主席谢添琴与彭亨州副议长李政贤。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Jeli Polytechnic aims to be institution of national food production | | |
| MediaTitle | Borneo Post (Kuching) | | |
| Date | 07 Jun 2023 | Color | Black/white |
| Section | Home | Circulation | 60,767 |
| Page No | 10 | Readership | 182,301 |
| Language | English | ArticleSize | 56 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 382 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 1,146 |

# Jeli Polytechnic aims to be institution of national food production

JELI: The Jeli Polytechnic in Kelantan (PJK) aims to become an institution in the study of food production to support the government's goal in national food production.

Its director Ulaimi Yahya said to achieve that, PJK had taken several measures that can make the institution one of the centres for national food production.

"PJK has been certified with the MyGAP Certificate by the Malaysian Fisheries Department from Jan 11, 2023 until Jan 10, 2025 for the Fish Hatchery at the PJK Fish Propagation House (FPH).

"We have been accredited as an Organic Mushroom Training Centre by obtaining the Malaysian Organic Certification (Myorganic) on June 23, 2022, with a farm measuring 0.4-hectare by the Malaysian Department of Agriculture," he said in a statement yesterday.

He said the accreditation would allow PJK to be the cultivation centre of grey oyster mushrooms and split gill mushrooms by producing agricultural products, of which the quality would be guaranteed. — Bernama

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | 2 Amanah leaders appointed as MADA and KADA presidents | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 07 Jun 2023 | Color | Black/white |
| Section | Nation | Circulation | 288,920 |
| Page No | 7 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 71 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,572 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 4,716 |



## 慕達及格姆布農展機構

# 2誠信黨人受委任主席

（布城6日讯）农业及粮食安全部长莫哈末沙布宣布，诚信党吉打万家君乐州议员拿督依斯迈沙列受委为慕达农业发展机构（MADA）主席；诚信党丹州主席慕哈末欣申则受委格姆布农业发展机构（KADA）主席。

莫哈末沙布今日发表文告指出，国家元首苏丹阿都拉陛下已于5月15日批准农粮部旗下两个联邦法定机构主席的委任。他强调，这次任命是基于两人在行政、政策和社区发展领域的丰富经验。

“我对他们在领导农粮部旗下两个联邦法定机构的的知识和信用充满信心。”

他希望两个能以诚信和善政的方式履行所赋予的责任，以符合昌明大马的愿景。

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/6/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 29 |

# Sistem pengurusan sektor pertanian negara bercelaru?

Oleh **SAYED HESHAM IDRIS**
utusannews@mediamulia.com.my

**IPOH:** Sistem pengurusan dan penyelarasan pelaksanaan pertanian negara didakwa bercelaru sehingga menyebabkan pelbagai isu yang serius berlaku dalam semua peringkat pelaksanaan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Penambahbaikan Sektor Pertanian Malaysia, Nordin Abdul Malek berkata, ia melibatkan sistem pengurusan di peringkat rantaian bekalan seperti tanaman makanan, ternakan ikan air tawar selain bekalan ayam.

Malah jelas beliau, perkara sama berlaku di peringkat pembangunan modal insan iaitu latihan kemahiran Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) pertanian serta pendidikan peringkat universiti.

Menurutnya, bagi isu yang melibatkan rantaian bekalan makanan menyaksikan berlakunya kes lambakan sayur-sayuran, buah-buahan, kekurangan serius benih ikan air tawar yang memperlihatkan kelemahan dalam sistem pengurusan maklumat, data berkaitan penawaran dan permintaan.

Katanya, ini merugikan golongan petani dan penternak yang boleh menjejaskan dasar keterjaminan makanan negara.

"Contohnya sering berlaku lambakan sayur yang serius seperti di Cameron Highlands baru-baru ini sehingga pengusaha terpaksa membuang bertan-tan hasil tanaman mereka. Bayangkan harga ladang bendi 80 sen sekilogram sedangkan di pasar raya RM8, harga timun turun sehingga 40 sen sekilogram.

"Harga jatuh dengan alasan permintaan kurang sedangkan pengeluaran meningkat disebabkan tanaman berskala besar dan pekebun sayur juga bersaing dengan sayur dari China yang lebih murah, juga cili yang diimport dari Thailand. Persoalannya kenapa import atau AP (permit import) masih dilaksanakan?

"Begitu juga penanam durian tempatan yang mengalami lambakan akibat persaingan durian dari Thailand dan China, walaupun rasanya tak sedap tapi ia menjadi saingan durian kita, begitu juga mangga yang datang dari Kemboja yang dikategorikan Harumanis. Harumanis tempatan mungkin RM20 sekilogram, tiba masuk mangga dari Kemboja, cuma RM10 tiga kilogram.

"Kita faham AP dapat atasi masalah kekurangan bekalan dalam negara dan masalah monopoli tetapi kerajaan juga kena lihat aspek menjaga kepentingan petani negara," katanya.

Menurutnya, kekurangan serius benih ikan air tawar yang dialami penternak di seluruh negara ketika ini pula memperlihatkan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan serta Jabatan Perikanan lambat bertindak untuk mengatasi masalah itu.



**AHMAD Maher Safiain menunjukkan isi durian Musang King yang dijualnya di belakang Masjid Sultan Ismail Petra, Bandar Kubang Kerian, Kota Bharu, Kelantan. - UTUSAN/YATIMIN ABDULLAH**

# Pemuda jual Musang King harga marhaen

**KOTA BHARU:** Seorang pemuda nekad menjual durian Musang King serendah RM20 sekilogram bagi membolehkan semua golongan menikmati keenakan rasa buah 'kayangan' itu pada harga lebih rendah.

Ahmad Maher Safiain, 28, berkata, tindakannya tersebut bukan bertujuan merosakkan harga pasaran buah berkenaan sebaliknya merupakan salah satu bentuk perkongsian rezeki kepada mereka yang belum pernah menjamah raja buah itu.

"Musang King ini adalah hasil yang dikutip dari kebun diusahakan oleh ahli keluarga. Jadi harga yang saya tawarkan kepada pelanggan sudah mengambil kira semua kos.

"Pada masa sama, pelanggan tidak perlu risau kerana buah yang dijual ini segar dari ladang yang terletak di Tanah Merah," katanya ketika ditemui di belakang Masjid Sultan Ismail Petra, Bandar Kubang Kerian, di sini semalam.

Ahmad Maher memberitahu, setiap hari dia mampu menjual sekitar 300 hingga 400 kilogram durian Musang King pelbagai gred bermula A hingga C.

Katanya, kebiasaan durian tersebut akan habis terjual kurang dari satu jam sebaik sahaja gerai mula dibuka pada pukul 4 petang.

"Alhamdulillah, Musang King di kebun saya tahun ini berbuah lebat," ujarnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/6/2023 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 17 |

# Pengusaha patin sangkar tertekan

## Kadar kematian ikan tinggi, kos makanan naik antara punca hasil terjejas

Oleh Khairulmizan Yahya
bhnews@bh.com.my



*Penternak menunjukkan ternakan ikan patin yang dibelenggu pelbagai masalah di Temerloh.*
(Foto Khairulmizan Yahya/BH)

**Temerloh:** Pengusaha ternakan ikan patin sangkar di daerah ini bimbang dengan masa depan mereka berikutan industri itu kini dibelenggu pelbagai masalah sehingga menyebabkan pendapatan mereka terjejas.

Kebanyakan penternak mendakwa perniagaan tidak lagi menguntungkan disebabkan kadar kematian ikan semakin tinggi dan kos makanan semakin meningkat.

Berikutan itu, ada segelintir penternak yang tidak mampu lagi untuk bertahan sehingga terpaksa menutup operasi mereka.

Selain faktor cuaca tidak menentu, penternak mendakwa kematian ikan juga disebabkan beberapa sebab lain antaranya benih dan makanan ikan tidak berkualiti, kemerosotan kualiti air Sungai Pahang serta keadaan sungai semakin cetek disebabkan aktiviti mengepam pasir.

Situasi itu jika dibiarkan tanpa langkah penyelesaian, dikhuatiri menjejaskan sektor pelancongan di daerah ini yang popular dengan jolokan bandar ikan patin, selain sangat sinonim dengan menu patin masak tempoyak.

### Sakar buat pusingan modal

Pengerusi Koperasi Pentenak Ikan Sangkar dan Nelayan Darat Temerloh Berhad, Ibrahim Husin, berkata kadar kematian meningkat menyebabkan hasil berkurangan iaitu dari 600 hingga 700 kilogram (kg) sebelum ini kepada kira-kira 300kg sahaja.

"Biasanya ikan diternak akan matang dan boleh dijual dalam tempoh kira-kira enam bulan, namun sejak kebelakangan ini lapan bulan pun ikan tak boleh dijual lagi.

"Dengan hasil semakin kurang, pendapatan penternak terjejas, sekali gus menyukarkan kami untuk membuat pusingan modal," katanya.

Penternak ikan sangkar, Mohamad Syahir Hamka, 32, dari Kampung Pangsenam, di sini, pula berkata, penternak tidak mempunyai pilihan selain menaikkan harga jualan iaitu dari RM22 sekilogram kepada RM23 hingga RM25 sekilogram untuk terus memastikan dapat terus bertahan.

"Dengan harga makanan mahal sehingga mencecah RM78 untuk setiap beg 20kg, kadar kematian ikan meningkat dan masalah air cetek membuatkan kami sangat tersepit," katanya.

Ketua Kampung Bangau Tanjung yang juga penternak ikan patin sangkar, Abdul Samad Harun, pula berkata pihaknya berharap bantuan kerajaan bagi memastikan kelangsungan sektor terbabit.

"Jika masalah ini tidak ditangani segera, saya rasa mungkin akan berlaku 60 hingga 70 peratus penternak di kampung ini akan menutup sangkar mereka," katanya.

Ketua Cawangan Akuakultur Pejabat Perikanan negeri, Muhammad Nur Ashry Basari, berkata pihaknya sentiasa peka dengan masalah dihadapi penternak dan berusaha membantu meringankan beban mereka.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/6/2023 | SINAR HARIAN | NEGERI | 25 |

# Rezeki berganda untuk kaki pancing

**Air sungai yang surut pada musim panas memudahkan kerja-kerja menangkap ikan**

Oleh ROSILAWATI ROSEDI
JERANTUT

Musim panas turut membawa rezeki berganda buat kaki pancing dengan meraih tangkapan lebih lumayan berbanding kebiasaan.

Faktor air sungai yang surut dan ditambah keadaan cuaca panas menyebabkan ikan lebih mudah ditangkap.

Seorang kaki pancing yang ditemui, Ahmad Nazree Shahbuddin, 48, mengakui bertuah kerana berjaya membawa pulang hasil tangkapan lebih lumayan.

Bahkan dia juga terkejut kerana berjaya menaikkan lima ekor ikan patin buah, 10 ekor ikan lawang dan beberapa ekor ikan lampam serta ikan jengkua dengan berat keseluruhan 16 kilogram ketika memancing di Sungai Tembeling.

"Saya dan rakan datang ke Kampung Pagi semalam untuk mencuba nasib memancing di Sungai Tembeling apabila mendapat maklumat yang mengatakan ikan banyak pada masa ini menerusi laman sosial Facebook.

"Kami tak dapat tangkap banyak ikan kerana hanya sekadar mencuba di sini, memandangkan ini adalah pertama kali kami singgah di kampung ini tetapi Alhamdulillah tak sangka rezeki kali ini amat baik," ujarnya.

Mereka mula turun ke beberapa lubuk termasuk Lubuk Palembang pada sebelah pagi selepas bermalam di kampung tersebut.

"Umpan yang digunakan adalah buah sawit, roti dan umpan tiruan.

"Kami memang tak sangka, kail begitu cepat dimakan oleh pelbagai jenis ikan termasuklah patin buah. Jadi, kami semakin teruja," katanya yang terus bersemangat untuk memancing walaupun berada di bawah terik mentari.

Sementara itu, rakannya, Dahalan Abdul Hamid, 62, berkata, hasil tangkapan yang diperolehi mereka hampir mencecah RM1,000 berdasarkan nilai pasaran semasa.

Dahalan berkata, harga ikan liar seperti ikan patin buah mencecah RM130, ikan jengkua; RM60 manakala ikan lawang dan ikan lampam melebihi RM50 bagi setiap 1kg.

"Bagaimanapun, ikan-ikan yang ditangkap tak akan dijual sebaliknya diagihkan untuk dimasak bagi sajian keluarga," tambahnya.



Ahmad Nazree (kiri) dan Dahalan bersama hasil tangkapan mereka.



Tangkapan lumayan buat kaki pancing pada musim panas.

## Sektor perikanan rugi lebih RM400,000 akibat cuaca panas

**PASIR PUTEH** - Sektor perikanan akuakultur di seluruh negara mengalami kerugian RM438,500 setakat bulan lalu akibat cuaca panas melampau.



ADNAN

Ketua Pengarah Perikanan, Datuk Adnan Hussain berkata, ia melibatkan kerosakan benih-benih dan kematian ternakan ikan sangkar yang diusahakan 21 penternak dengan kerugian paling tinggi di Pahang iaitu RM217,000, Terengganu (RM108,500), Johor (RM50,000), Selangor (RM39,000) dan Kelantan (RM24,000).

"Jabatan Perikanan berasa amat dukacita dengan situasi ini dan menerima beberapa laporan kematian ikan akibat cuaca panas melampau.

"Kita sedang mengumpulkan maklumat untuk dibawa ke pihak yang lebih tinggi berhubung bencana yang menimpa mereka," katanya kepada pemberita di Karnival Usahawan My Agropreneur Perikanan (myAP) dan My Komuniti Perikanan (myKP) Zon Timur 2023 di Tok Bali di sini, pada Selasa.

Hadir merasmikan karnival itu ialah Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakob.

Adnan berkata, Jabatan Perikanan akan terus memantau dan menilai kembali kerugian yang dialami oleh penternak.

"Kami akan menimbangkan untuk memberi bantuan benih ikan setelah keadaan cuaca kembali pulih.

"Bantuan itu tidak boleh diberikan sekarang kerana cuaca masih terlalu panas dan mereka tidak boleh memulakan kerja-kerja menternak sehinggalah cuaca kembali stabil," kata beliau.

Sementara itu, Adnan memberitahu, pihak jabatan turut melakukan pemantauan pendaratan ikan laut semasa musim kemarau yang melanda.

"Kami khuatir mungkin ada pengurangan pendaratan ikan apabila cuaca terlalu panas dan membataskan nelayan pantai untuk ke laut.

"Faktor panas juga boleh menjejaskan pergerakan ikan-ikan di perairan negara kita, namun keadaan setakat ini terkawal selain belum ada keperluan seperti menghentikan eksport ikan atau sebagainya," ujarnya.



Ahmad (dua dari kanan) diiringi Adnan (dua dari kiri) menyampaikan bantuan input ternakan akuakultur kepada penternak ikan di Pasir Puteh.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/6/2023 | THE STAR | VIEWS | 14 |

# From pineapple to fashion

## Lecturer reaps fruit of his labour with hand-woven fabric

By REMAR NORDIN
remar.nordin@thestar.com.my

**PASIR GUDANG:** A lecturer with Politeknik Ibrahim Sultan and his team turned "farm into fashion" when they transformed pineapple leaves into fabric, which is then used to produce other fashion accessories.

Abu Bakar Abdul Hamid, a senior lecturer in fashion design, said the venture started 13 years ago and it took them about three years just to research ways to convert the fibre inside pineapple leaves into yarn.

"Johor is the country's leading producer of pineapples, which means it has a lot of waste such as leaves and peels.

"Instead of discarding them, we conducted research to see how we could extract the plant's fibre and turn it into thread. After three years, we came up with something that could be hand-woven.

"With the hard part done, we thought there must be at least an end product that we could make with the thread, so we spent another year turning it into kain tenun (hand-woven fabric)," he said.

It could about a month to produce 2.5m of kain tenun, which could fetch RM1,600, Abu Bakar said.

He said it would take another month to produce at least 30 clutches and at least a week to make neckties from a 1m fabric.

"Each bag is sold for between RM160 and RM350 depending on the size, while the neckties are priced from RM180 to RM200 each," he said.

Abu Bakar said eight people were involved in the production, with the raw materials or fibre extraction process being conducted in Pontian.

The fabric production is done by weavers in Terengganu, Pahang, Kelantan, and Yayasan Warisan Johor.

"The products we made have been sent to the Malaysian Pineapple Industry Board (LPNM) and the Agriculture and Food Security Ministry, which will market them in Shanghai and Beijing," he added.

Abu Bakar said each fabric is made with at least 40% pineapple yarn and 60% cotton or polyester

He said the market would be expanded soon, since the country is one of the highest pineapple producers in South-East Asia.



**Farming fashion:** Abu Bakar displays all the products made from pineapple fibre.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/6/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 11 |



# Tanda buah

MOHD Anuar Yusoff, 53, sibuk mengutip dan menandakan buah durian Raja Kunyit D197 yang gugur ketika ditemui Bernama di kebun miliknya di Kampung Lawang, Tanah Merah. Sejak akhir Mei lalu, Mohd Anuar tidak menang tangan melayan kehadiran ramai peminat Raja Kunyit D197 untuk menikmati keistimewaan rasa durian tersebut di kebunnya. Raja Kunyit merupakan klon asal Musang King namun begitu buah yang ditanam di Tanah Merah ada perbezaan dari segi rasa dan tekstur. Tekstur Raja Kunyit di sini, lebih berkrim selain memiliki rasa lemak, manis dan pahit yang seimbang.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/6/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 6 |

# Musim raja buah



**KEENAKAN** durian Balik Pulau yang dikatakan berbeza dengan durian dari tempat lain antara faktor membuatkan penggemarnya sanggup menempuh perjalanan jauh ke Pulau Pinang, semata-mata mahu menikmati kelazatan raja buah itu. Setiap kali musim durian, Balik Pulau yang terletak di daerah barat daya Georgetown akan diserbu penggemar durian dari seluruh negara. Saiful Hisham Samhudi, 54, dari Kuala Lumpur berkata, dia bersama sekeluarga teruja dapat singgah ke Pulau Pinang pada musim durian. Menurutnya, satu kepuasan apabila dapat menikmati durian di Balik Pulau. Tambahnya lagi, beliau sanggup ke Pulau Mutiara dari Kuala Lumpur untuk merasa keenakkan raja buah itu. Sementara itu, seorang penggemar durian, Suprayudhi Suwardi, 48, dari Kedah memang menantikan musim durian di Balik Pulau. "Saya tidak melepaskan peluang cuti umum ini untuk singgah di Anjung Indah bersama keluarganya bagi merasa keenakkan durian," kata Suprayudhi.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/6/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 25 |

# Penyegar musim panas



**PEKEBUN** kecil tembikai, Muhammad Ameer Faris Muhamad Akhir, 25, (kanan) bersama Husaini Abdullah, 46, menunjukkan buah tembikai dari kebunnya ketika tinjauan cuaca panas di Kampung Ubai, Pekan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| [illegible]/[illegible]/2023 | SINAR HARIAN | NASIONA[illegible] | 11 |



# Tak sampai 30 minit durian dah licin

Imam jual musang king RM20 sekilogram, habis dibeli sehingga 400kg sehari

Oleh HAZELEN LIANA KAMARUDIN
KOTA BHARU

Durian musang king serendah RM20 sekilogram yang dijual oleh seorang imam di belakang Masjid Al-Sultan Ismail Petra, Kubang Kerian di sini habis dalam tempoh kurang setengah jam.

Ahmad Maher Safian, 28, berkata, harga itu ditawarkan dengan niat supaya semua golongan dapat menikmati kenakan harga raja buah yang disifatkan sebagai 'kayangan'.

"Musang king yang saya jual ini adalah hasil dari kebun diusahakan oleh ahli keluarga.

"Jadi harga yang ditawarkan itu sudah mengambil kira semua kos," katanya ketika ditemui di sini pada Selasa.

Menurutnya, pengeluaran hasil buah yang banyak ketika ini terutama dari Raub, Pahang dan Johor membolehkannya menjual pada harga rendah serta mampu dinikmati oleh semua golongan masyarakat.

Ujarnya lagi, tindakan itu dilihat tidak menjejaskan harga pasaran harga buah tersebut.

Ahmad Maher memberitahu, setiap hari sebanyak 300 hingga 400 kilogram durian musang king berjaya dijual merangkumi pelbagai gred.

"Pelanggan tidak perlu risau kerana buah yang dijual segar dari ladang milik keluarga di Tanah Merah.

"Melihat kepada situasi ketika ini, stok durian di kebun saya mampu bertahan dalam tempoh tiga bulan lagi," katanya.



Ahmad Maher (lima dari kiri) melayan orang ramai yang hadir membeli durian musang king yang dijual RM20 sekilogram di belakang Masjid Al-Sultan Ismail Petra, Kubang Kerian, Kota Bharu pada Selasa.



KLIK

LARIS... Sulong Yusof, 72, (kiri) atau lebih dikenali sebagai Pok Awi melayani pelanggan semasa menjual durian kampung dengan menunggang motosikal di Kampung Binjai Rendah, Marang, Terengganu pada Selasa. Bapa kepada enam orang anak ini menjual raja buah itu pada harga RM10 sebiji bergantung kepada gred serta saiz buah.

## Datang jauh dari Sarawak hanya nak makan durian kunyit

FOTO: BERNAMA



Mohd Anuar (kanan) menimbang buah durian raja kunyit D197 yang hendak dibeli pelanggan di kebun miliknya di Kampung Lawang, Tanah Merah pada Isnin.

**TANAH MERAH** - Sejak 20 Mei lepas, Mohd Anuar Yusoff, 53, tidak menang tangan melayan kehadiran ramai peminat raja kunyit D197 yang ingin menikmati keistimewaan rasa durian itu di kebun miliknya di Kampung Lawang, Batu Gajah, di sini.

Peminat durian yang datang bukan sahaja dari sekitar Kelantan, tetapi ada dari Negeri Sembilan, Johor, Perak, Pahang dan Terengganu malah sejauh Sarawak, demi raja kunyit atau nama komersialnya musang king.

Mohd Anuar berkata, biarpun raja kunyit atau musang king merupakan klon yang sama, tetapi buah yang ditanam di Tanah Merah mempunyai rasa yang berbeza berbanding yang ditanam di lokasi lain.

"Raja kunyit merupakan klon asal musang king namun begitu buah yang ditanam di Tanah Merah ada perbezaan dari segi rasa dan tekstur. Teksturnya lebih berkrim selain memiliki rasa lemak, manis dan pahit yang seimbang.

"Seorang peminat raja kunyit boleh habiskan sebiji buah tersebut sendiri berbanding musang king, makan dua tiga ulas dah rasa muak," katanya ketika ditemui di kebunnya pada Isnin.

Bercerita lanjut, Mohd Anuar berkata, beliau dan isteri mewarisi kebun seluas hampir 0.8 hektar itu daripada arwah bapanya.

"Arwah ayah mula tanam pokok durian bermula tahun 1985. Kebun ini kini memiliki kira-kira 40 pokok raja kunyit," katanya.

Menurutnya, dia menggunakan laman Facebook untuk mempromosi durian raja kunyit di kebun tersebut.

"Tahun ini saya jual raja kunyit RM45 sekilogram. Mereka yang datang ke kebun ini bukan sahaja dapat makan buah yang segar, malah dapat merasai pengalaman mengutip sendiri durian yang luruh di sekitar kebun ini," katanya yang juga seorang guru di sebuah sekolah menengah di sini.

Seorang peminat durian, Mohd Nur Hafiz Nazir, 36, berkata, dia datang dari Kampung Meranti, Pasir Mas untuk menikmati durian di kebun berkenaan.

"Biasanya saya sekeluarga akan ke Raub, Pahang untuk membeli durian musang king.

"Rasa raja kunyit di sini lebih sedap, lebih pejal, tidak begitu manis dan tidak muak apabila makan menyebabkan rasa nak makan lagi," katanya. *- Bernama*

>> LAGI BERITA DI MUKA 23